



TAHNIAH...D Kamarudin (dua dari kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada pengerusi jawatankuasa, Dr. Connie (kiri). Turut kelihatan No'man (dua dari kiri) dan Aidah (kanan)

# Gabungan kepakaran ahli akademik bantu tingkat kualiti silibus PML UMS

NST 24.10.17 4

**KOTA KINABALU:** Gabungan kepakaran ahli-ahli akademik dari Universiti Malaysia Sabah dalam menyediakan kerangka modul, kurikulum dan silibus baharu Pusat Minda Lestari (PML) mampu memacu transformasi PML ke arah penyediaan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, ini turut mampu menjadikan PML sebagai pusat perkembangan kanak-kanak yang cemerlang dan memberikan nilai tambah kepada kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan sedia ada bagi memastikan kualiti keberhasilan kanak-kanak dapat ditingkatkan.

"Pengemaskinian modul, kurikulum dan silibus PML

bukan sahaja memfokuskan kepada pengukuhan kemahiran kanak-kanak, tetapi juga membina keterampilan modal insan melalui modul setiapa tunjang seperti tunjang kerohanian, kemanusiaan, komunikasi, keterampilan dan kreativiti.

"Bagi pihak universiti, saya merakamkan syabas dan tahniah kepada semua ahli Jawatankuasa Pengemaskinian Modul/Kurikulum/Silibus PML yang telah berjaya menghasilkan satu kerangka modul, kurikulum dan silibus yang baru sebagai rujukan pengajaran dan pembelajaran di PML," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Majlis Penghargaan Jawatankuasa Pengemaskinian Modul/Kurikulum/Silibus PML di Cafe D'Sireh, pagi kelmarin.

Ujar beliau, modul, kurikulum, silibus tersebut akan dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memastikan kurikulum PML sentiasa relevan dengan perkembangan pendidikan semasa, sekali gus menjadikan PML sebagai sebuah pusat penjagaan dan pembelajaran yang terbaik di rantau Borneo seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan PML 2016-2020.

Pada majlis tersebut, Prof. Datuk D Kamarudin turut menyampaikan sijil penghargaan kepada ahli-ahli jawatankuasa pengemaskinian modul, kurikulum, silibus yang terdiri daripada ahli-ahli akademik dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) dan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW).